

Headline	Anut 3 agama sebelum peluk Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	1,15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,216



# Anut 3 agama sebelum peluk Islam

**Kuala Lumpur:** "Saya berhijrah dari satu agama ke agama lain mencari kebenaran dan pencarian itu berakhir apabila saya menemui Islam," kata seorang muallaf yang memeluk Islam 37 tahun lalu.

Mohd Affendi Lee Abdullah, 59, yang berasal dari Kapar, Selangor, dilahirkan dalam keluarga beragama Buddha sebelum menganut agama Kristian diikuti agama Hindu dan akhirnya memeluk Islam ketika berusia 22 tahun.

## Perasaan ingin tahu

"Penghijrahan dari satu agama ke agama lain didorong sifat ingin tahu mengenai asal usul agama saya. Ia membawa pelbagai perubahan dan pengalaman yang tidak ternilai dalam hidup saya.

"Sejak kecil saya mempunyai minat terhadap ilmu agama, dan ketika berusia 13 tahun saya mula mengkaji kitab Injil dan terus mengambil keputusan untuk menukar ke agama Kristian.

● Nasional 15

Headline	Anut 3 agama sebelum peluk Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	1,15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,216

# Ke Tanah Suci selepas 3 kali tangguh

## ● Dari muka 1

“Bagaimanapun, setelah empat tahun menganut agama itu, saya berasakan ada kekurangan dan mula mempelajari agama Hindu sebelum menganuti agama berkenaan. Bagaimanapun, saya masih tidak mendapat kepuasan sebelum mengenali Islam,” katanya ketika ditemui di pekarangan Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya dekat sini, semalam.

Affendi adalah antara 279 jemaah haji Malaysia yang berlepas ke Makkah tengah hari semalam untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Anak keempat daripada 12 beradik itu berkata, agama Islam memberikannya ketenangan dan kepuasan yang dicarinya selama ini.

“Saya bersyukur setelah berpuluh tahun, pendirian saya masih tetap pada Islam serta penantian saya ternyata berbaloi kerana hari ini saya dijemput oleh-Nya untuk ke Tanah Suci Makkah mengerjakan haji,” katanya.

### Dapat hidayah

Affendi berkata, ketika mahu memeluk Islam, ibu dan ahli keluarga lain menentang hasratnya, namun mereka berubah hati dan menerima keputusannya selepas berkahwin dengan wanita Islam, Rokiyah Mohd Nasir.

Ditanya apakah faktor yang mempengaruhi keputusannya menerima Islam, Affendi berkata, selain mendapat hidayah daripada Allah, kebanyakan kawan dan rakan sepejabatnya juga orang Melayu yang beragama Islam yang tidak pernah jemu memberinya tunjuk ajar.

Beliau juga bersyukur apabila hasratnya untuk menunaikan haji yang sudah tiga kali ditangguh kerana masalah yang tidak dapat dielak, kini terlaksana dan beliau akan mengerjakan haji bersama isteri serta anak lelakinya.

Headline	Anut 3 agama sebelum peluk Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	1,15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,216



Affendi **memeriksa dokumen** yang patut dibawa sambil diperhatikan isteri, Rokiah Mohd Nasir dan anak, Mohamed Erwin Lee di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]